

**KITAB KETATANEGARAAN DI JOHOR-RIAU:  
KEGUNAAN DAN PENGGUNAANYA SEBAGAI MODUL PENDIDIKAN  
KENEGARAAN<sup>1</sup>**

Dr Mohd Akbal bin Abdullah  
(BA. HONS, USM; PHD, UKM)

Ketua Pusat  
Penyelidikan Kelestarian Pembangunan Insan  
Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**ABSTRAK**

*Kertas kerja ini cuba meneliti keupayaan kitab-kitab ketatanegaraan bercirikan sejarah yang dihasilkan sekitar abad 17-19 di pusat persuratan Melayu di Johor-Riau sebagai Modul Pembangunan Pendidikan Kenegaraan. Idea bermula dengan beberapa pengamatan terhadap penggunaan naskhah-naskhah tersebut yang didapati kurang berkesan sebagai bahan pendidikan terutamanya pendidikan kenegaraan. Pengamatan awal mendapati naskhah ketatanegaraan dibelah-belah dan dikupas secara maudu iy atau tematik. Naskhah kitab berkenaan juga lebih banyak digunakan sebagai bahan pengajian sastera, bahasa, budaya dan politik, bukannya bahan pengajian ilmu kenegaraan. Akibatnya, asas penulisan dan maklumat yang ada tidak mampu mencecah niat dan kepentingan sebenar naskhah ketatanegaraan dihasilkan. Naskhah sepenting ini dilihat gagal mengisi keperluan membangunkan imaginasi, aspirasi serta inspirasi anak bangsa menghayati kewujudan pemerintahan bangsa dan agama. Bagi mendapatkan penjelasan dalam kajian ini, beberapa naskhah utama seperti Sulalat al-Salatin, Peringatan Sejarah Negeri Johor, Tuhfat al-Nafis dan seumpamanya digunakan menggunakan kaedah historiografi. Naskhah tersebut diteliti dengan mengambil perhatian terhadap matlamat penulisan, isi pensejarahannya dan kedudukannya pada zaman penulisannya. Kajian ini mendapati memang ada asas mengapa perhatian terhadap nilai kenegaraannya dalam naskhah-naskhah tersebut perlu diketengahkan sebagai asas pembentukan sebuah modul kenegaraan dalam pendidikan negara. Akhirnya kajian ini memberi ruang kepada penelitian mendatang untuk melihat dari kepelbagaian sudut terhadap pembentukan modul pembangunan pendidikan negara.*

---

<sup>1</sup> Kertas ini dibentangkan di Seminar Antarabangsa Pendidikan Melayu di Hotel Sheraton, Surabaya, Indonesia pada 4 - 6hb. Mei 2014. Penulis adalah Pensyarah di Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan, UTHM. Beliau juga Pengerusi Kegiatan Batu Pahat, Persatuan Penulis Johor, AHLI Gabungan GAPENA.

## PENGENALAN

Penulisan sejarah tradisional Melayu yang berpusat di istana sebelum dan pada awal kehadiran kuasa-kuasa barat pada abad ke-19 adalah sekelompok tulisan bersifat ketatanegaraan yang penting kepada bangsa dan negara. Selain merakamkan perkembangan politik tradisional Melayu ketika itu, kitab-kitab seumpama itu menjadi alternatif terhadap senario kekurangan maklumat yang ada dalam catatan asing. Atas kesedaran terhadap kepentingannya itulah maka pengkajian terhadap semua tulisan tersebut sering dilakukan sama ada oleh sarjana tempatan mahupun luar. Sehubungan itu juga, kajian ini melanjutkan kajian-kajian yang telah atau sedang dilakukan oleh sesiapa sahaja bagi menambahkan jumlah penelitian yang ada.

Pada dasarnya, kertas kerja ini bertujuan mendapatkan jawapan tentang kegiatan penulisan kitab-kitab ketatanegara yang memaparkan sejarah tradisional Melayu yang dihasilkan di pusat penulisan tradisional di Johor-Riau pada sekitar abad ke-17 hingga ke-19. Makalah ini juga membuat tinjauan bagi mengenalpasti senarai kitab-kitab tersebut, aspek kegunaannya dan proses selayaknya bagi menjadikan penulisan kitab-kitab sejarah tradisional Johor-Riau ini menjadi asas pembentukan modul pembangunan pendidikan kenegaraan di Malaysia.

## CAKUPAN DAN BATASAN MAKALAH

Kertas kerja ini hanya tertumpu kepada tulisan ketatanegaraan bercirikan sejarah yang dihasilkan di pusat penulisan Johor-Riau seperti *Sulalat al-Salatin*, *Peringatan Sejarah Negeri Johor*, *Hikayat Negeri Johor*, *Salasilah Melayu dan Bugis* dan akhirnya *Tuhfat al-Nafis* sahaja yang akan diberi tumpuan. Penggunaannya berasaskan kaitan pensejarahannya dengan perkembangan politik dan penguasaan Orang Melayu di alam Melayu yang berpusatkan empayar Johor-Riau. Pemilihan juga dilakukan bagi memastikan pemikiran dan falsafah kesejarahan kenegaraan dan politik Melayu di Johor itu dapat dikesan. Tulisan-tulisan seumpamanya seperti *Hikayat Siak*, *Hikayat Patani*, *Hikayat Banjar*, *Hikayat Aceh*, *Hikayat Johor serta Pahang*, *Misa Melayu*, *Kisah Pelayaran ke Riau* dan *Kisah Pelayaran Abdullah* yang jelas telah dihasilkan bukan di pusat penulisan Johor-Riau atau istana Melayu-Bugis, adalah tidak termasuk dalam kajian ini. Selain disebabkan alasan ini, *Hikayat Johor serta Pahang*, *Kisah Pelayaran ke Riau* dan *Kisah Pelayaran Abdullah* tidak akan digunakan kerana skop penulisannya lebih kecil dan sukar digolongkan sebagai hasil penulisan

sejarah tradisional Melayu Johor-Riau. Walau bagaimanapun, semua tulisan tadi tetap penting sebagai bahan perbandingan.

Selain itu, pengertian istilah-istilah yang dianggap mustahak juga perlu diperjelaskan supaya penggunaannya tidak merewang jauh dan akhirnya mengelirukan. Oleh kerana pensejarahan Melayu Johor-Riau menjadi asas kajian ini maka epistemologi “Melayu Johor” perlu difahami dalam konteks kajian ini. “Melayu” secara umumnya bererti sebuah rumpun bangsa yang di dalamnya mengandungi beberapa suku etnik yang lain. Ia juga boleh membawa maksud satu puak atau kaum yang kecil jumlahnya dan kedudukannya sama seperti dengan puak-puak yang lain. Sungguhpun begitu, kajian ini tidaklah bercadang untuk mendefinisikan ataupun berbahas tentang siapakah Orang Melayu itu. Dalam konteks kajian ini, perkataan “Melayu” dicadangkan agar dilihat sebagai sebuah gabungan dan penyerapan pelbagai suku serumpun Melayu tadi membentuk sebuah masyarakat dan ‘menganuti’ budaya yang sama, iaitu Melayu. Oleh sebab itu, “orang” Melayu Johor adalah satu wajah masyarakat yang dihasilkan melalui fenomena ‘proses penghijrahan dan penyatuan budaya’ yang telah berlaku secara praktikal di alam Melayu dan mereka secara kebetulan didapati mendiami pusat empayar Melayu di Johor-Riau sejak pembukaan Johor pada 1528 lagi.

Terdapat beberapa sarjana sejarah dan sastera yang telah melakukan kajian ke atas kitab ketatanegaraan yang bercirikan sejarah empayar Johor-Riau-Lingga. Naskhah *Sulalat al-Salatin* dan *Tuhfat al-Nafis* merupakan tulisan yang cukup banyak digarap. Segala aspek dari kedua-dua naskhah tersebut dijelaskan sama ada dari sudut sejarah mahupun sasteranya. Memandangkan kajian yang begitu bersungguh-sungguh, beberapa “keputusan” telah dibuat. Dari penilaian sejarah, tulisan *Tuhfat al-Nafis* didakwa mencatat tentang sejarah Johor dengan lengkap sekali. *Tuhfat al-Nafis* telah dianggap sebagai buku sejarah Johor yang sangat penting dalam pengkajian sejarah alam Melayu pada kurun ke-18 hingga pertengahan kurun ke-19.<sup>2</sup> demikian juga Winstedt menganggap naskhah ini “*magnum opus*” selepas “*Sejarah Melayu*” bagi mengkaji perkembangan sejarah empayar Johor dan Riau.<sup>3</sup>

Sebenarnya, pensejarahan kitab ketatanegaraan tradisional di Johor-Riau amat menarik, bukan sahaja disebabkan oleh jumlah tulisan yang banyak, malah peranannya sebagai alat merakam-tulis sejarah sebuah bangsa yang tebal dengan tradisi dan menjadi model kepada wilayah-wilayah lain di rantau alam Melayu.

---

<sup>2</sup> Zainal Abidin Wahid menyatakan bahawa, *Tuhfat al-Nafis* sangat penting dan wajar dirujuk ketika melihat sejarah Tanah Melayu. Lihat kata pendahuluan beliau ke atas buku *Tuhfat al-Nafis*, Malaysia Publication Ltd. Singapura, 1965.

<sup>3</sup> R.O. Winstedt, “A History of Malay Literature”, *JMBRAS*, XXXI, 3, 1939, m.s 235 E

Oleh sebab itu, tidak menghairankan jika terdapat minat dan kecenderungan yang banyak dari kalangan sarjana. Ringkasnya, berdasarkan semua ataupun sebilangan kajian yang telah dilakukan sebelum ini, terdapat tiga bentuk kajian sejarah Johor yang telah dilakukan. Pertama, kajian yang bertumpu kepada penyelenggaraan dan penjelasan ke atas tulisan-tulisan tradisional yang ada berkaitan dengan Johor.<sup>4</sup> Kedua, kajian tentang aspek kepengarangan dan biografi tokoh-tokoh penulis tradisional sejarah Johor.<sup>5</sup> Dan ketiga, kajian tentang perkembangan sejarah politik, ekonomi dan sosial Johor sejak kejatuhan Melaka, atau lebih awal lagi hingga sekarang.<sup>6</sup>

Setakat ini boleh disimpulkan bahawa penulisan sejarah Johor merupakan kajian-kajian sejarah sebagai satu peristiwa. Tidak ada kajian yang menyentuh aspek kegunaan dan kepenggunaannya sebagai modul pendidikan kenegaraan.

## SENARIO PENULISAN KITAB KETATANEGARAAN

Menjadi satu pengalaman biasa kepada para pengkaji menemui kitab-kitab ketatanegaraan bercirikan sejarah yang seolah-olah "mewakili" sesebuah negeri Melayu yang tertentu. *Sulalat al-Salatin*, *Peringatan Sejarah Negeri Johor*, *Hikayat Negeri Johor*, *Salasilah Melayu dan Bugis* dan *Tuhfat al-Nafis* misalnya, adalah kitab-kitab yang ditulis semasa kesultanan Melayu di Johor-Riau. *Hikayat Banjar* dan *Hikayat Merong Mahawangsa* kemungkinan telah dihasilkan oleh Kesultanan Melayu Kedah, *Hikayat Patani* pula oleh Kesultanan Melayu Patani, *Misa Melayu* oleh Kesultanan Melayu Perak dan *Hikayat Aceh* oleh Kesultanan Melayu Aceh. Melihat wujudnya tulisan sejarah yang mengkhususkan kepada sesebuah negeri, maka ia membuktikan tentang kewujudan pemerintahan dinasti rajanya dan keagungan negeri-negeri tersebut.

---

<sup>4</sup> Antara tulisan-tulisan tersebut adalah seperti kajian Ismail Hussein, "Hikayat Negeri Johor, Satu Penyelenggaraan Teks," tesis M.A Universiti Malaya, Kuala Lumpur. V. Matheson Hooker, *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991. M.A Fawzi Basri, *Warisan Sejarah Johor*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1983.

<sup>5</sup> Antara kajian biografi pernah dilakukan oleh T. Iskandar, "Tun Sri Lanang: Pengarang Sejarah Melayu," dalam Dewan Bahasa, jil. V, iii, bil 11, November, 1964. Muhd Yusof Ibrahim dan Mahayuddin Haji Yahya, *Sejarawan dan Pensejarahan: Ketokohan dan Karya*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1988

<sup>6</sup> antaranya termasuklah oleh Gibson Hill, "Johor Lama and Other Ancient Sites on the Johore Rivers" *JMBRAS*, XXXI, ii 1955. Lihat Khoo Kay Kim, "Genealogy of the Temenggong of Muar," dalam *Peninjau Sejarah III*, Universiti Malaya 1968. Lihat Leonard Y. Andaya, *Kerajaan Negeri Johor 1641-1728: Pembangunan Ekonomi dan Politik*, (terj.) Shamsudin Jaffar, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.

Selepas kejatuhan Melaka pada abad ke-16, telah muncul beberapa buah pusat penulisan yang penting di alam Melayu. Pasai berkesempatan untuk muncul semula sebagai pusat persuratan dan kebudayaan bagi menggantikan Melaka. Namun kemunculannya kali ini hanya buat seketika waktu sahaja, iaitu sehingga 1524, apabila ia musnah diserang dan ditawan Aceh pada tahun tersebut. Dengan kekalahan itu, pusat persuratan Melayu telah berpindah dari Pasai ke bandar Aceh Dar al-Salam. Aceh telah menghasilkan dua jenis penulisan yang boleh digolongkan ke dalam kesusasteraan Melayu dan Aceh. Kesusasteraan Aceh yang bersifat Melayu di Aceh telah dihasilkan dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya.<sup>7</sup> Oleh sebab bahasa Melayu di Aceh dianggap bahasa ilmu, maka semua penulisan yang menggunakan bahasa Melayu dianggap karya intelektual dan digunakan oleh orang tertentu sahaja. Tulisan-tulisan intelektual ini mudah dikenali kerana terdapat nama pengarang dan tarikh dikarang.<sup>8</sup>

Jenis kedua pula terdiri daripada karya-karya *belles-letters* yang ditulis dalam bahasa Aceh. Oleh sebab kemunculan Aceh agak lewat berbanding Pasai dan Melaka, maka kebanyakan karya yang bentuk "*hikayat klasik*" ini diambil dari kedua-dua pusat penulisan yang lebih awal tadi. Oleh yang demikian, tidaklah menghairankan jika karya-karya tersebut telah disadur dari karya-karya berbahasa Melayu. Berbanding tulisan intelektual tadi, tulisan sastera yang berbahasa Aceh ini telah dinikmati oleh semua orang di Aceh, khususnya kepada mereka yang memahami bahasa Aceh. Kejatuhan Melaka dan kelambatan Johor menyusun negeri telah membantu Aceh muncul sebagai pusat penyebaran ilmu dan Islam serta banyak menyumbang dalam konteks pembangunan intelektual di alam Melayu. Walau bagaimanapun, kecemerlangan Aceh mulai merosot setelah Syeikh Syamsuddin al-Sumatrani dan Sultan Iskandar Muda (1636) mangkat.<sup>9</sup> Dengan ketiadaan mereka berdua, dunia keintelektualan di Aceh merudum.

Oleh sebab itu agak munasabah juga apabila Hoessein Djajadiningrat menegaskan bahawa setiap kerajaan di dalam sejarah Indonesia, mempunyai penulisan tradisinya.<sup>10</sup> Muhammad Yusoff Hashim berpendapat pembatasan hanya kepada Indonesia adalah kurang tepat. Beliau menyarankan kesimpulan

---

<sup>7</sup> Tentang kesusasteraan Melayu di Aceh, lihat tiga senarai katalog oleh Isaak de Saint Martin (1696), Francois Valentijn dalam *Oud en Nieuw Oost-Indien* (1726) dan G.H.Werndly (1736) Lillal T.Iskandar, "Pusat Kebudayaan Johor abad ke-16 hingga ke-17." kertas kerja dibentangkan di Seminar Warisan Persuratan Johor, di Hyyat Hotel, Johor Bahru 11b-111b Ogos 1996

<sup>8</sup> Kebanyakan karya intelektual di Aceh yang menggunakan bahasa Melayu adalah kitab-kitab agama Islam dalam pelbagai ilmu.

<sup>9</sup> T.Iskandar, *op.cit*

<sup>10</sup> Hoessien Djajadiningrat dalam Soedjatmoko, et al. *A Introduction to Indonesia Historiography*, Ithaca, Cornell University Press, 1965, m.s 74.

Djajadiningral itu harus merujuk juga seluruh 'Melayu Raya'<sup>11</sup>. Muhammad Yusoff Hashim barangkali bertujuan menunjukkan bahawa penulisan sejarah tradisional di Indonesia seperti dakwaan Hoessien itu adalah akibat langsung dari pengalaman di dalam rumpun dan alam Melayu itu sendiri. Mungkin bagi beliau, pengalaman Indonesia ini lebih jelas lagi dan mudah difahami apabila disandarkan kepada kedudukan budaya Melayu dan kesukaran suku-suku lain untuk memisahkan diri mereka dari proses penyesuaian dan pemantapan antara suku-suku bangsa di wilayah alam Melayu.

## PENSEJARAHAN TRADISIONAL DI JOHOR-RIAU

Kemerosotan Aceh pada pertengahan abad ke-17 telah menonjolkan Johor sebagai pusat penulisan Melayu yang penting. Kedudukan Johor-Riau sebagai pusat penulisan sejarah pernah disentuh seimbis lalu oleh Khoo Kay Kim. Beliau menegaskan kegiatan penulisan sejarah tradisional di Johor semacam telah disepakati telah dirintis *Sulalat al-Salatin* dan disudahi oleh *Tuhfat al-Nafis*, iaitu mengambil waktu lebih kurang 250 tahun.<sup>12</sup> Kegiatan penulisan yang melalui jangka waktu begitu lama, tentunya mempunyai nilai dan kekuatannya yang tersendiri. Justeru itu sebarang penelitian latar belakang dan perkembangan sejarah Johor dalam tempoh tiga kurun itu boleh membantu memahami mengapa dan bagaimana Johor-Riau menjadi pusat penulisan penting selepas Aceh. Pengalaman sedemikian mungkin telah menyebabkan penulisan di Johor-Riau mengalami berbagai-bagai perubahan yang sesuai dengan perkembangan politiknya. Ringkasnya penulisan di Johor-Riau berbeza daripada beberapa segi daripada penulisan sejarah di tempat lain.

Dalam konteks pensejarahan tradisional negeri-negeri Melayu, pensejarahan tradisional Melayu di Johor-Riau mendapat lebih perhatian. Keistimewaan pensejarahannya ada hubungan dengan daya tahan tradisi politiknya dan sifat pragmatik pemikiran pengarangnya yang berkesinambungan dari satu naskhah ke naskhah berikutnya. Selain kecenderungan menulis sejarah sudah menjadi tradisi kepada sesebuah kerajaan di alam Melayu, usaha merakam-tulis perjalanan sejarah di Johor-Riau besar kemungkinan mempunyai maksud yang lebih dari itu.

---

<sup>11</sup> Muhammad Yusoff Hashim, *Pensejarahan Melayu: kajian Tentang Sejarah Melayu Nusantara*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, m.s 31.

<sup>12</sup> Lihat bab Prakata oleh Khoo Kay Kim dalam M.A, Fawzi Basri, *Warisan Sejarah Johor*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1983. Kedudukan Johor sebagai Pusat Persuratan dalam abad ke-16 hingga ke-17 juga telah dibicara-buktikan oleh Teuku Iskandar. Lihat *op. cit.*

## MATLAMAT DAN KEGUNAAN

Hakikat bahawa semua penulisan kitab-kitab ketatanegaraan di Johor-Riau menitikberatkan nilai pragmatik sejarah dapat disahkan jika ditelitikan matlamat dan fungsi penulisan sesebuah tulisan berkenaan dihasilkan. Bagi memastikan penulisan sejarah itu pragmatik, pengarang kitab tersebut telah menyelitkan matlamatnya di dalam tema-tema penulisannya. Tulisan-tulisan yang membawakan tema berkenaan mempunyai peranan dan agenda yang tersendiri bagi memastikan corak dan bentuk kegunaannya. *Sulalat al-Salatin, Peringatan Sejarah Negeri Johor, Hikayat Negeri Johor, Salasilah Melayu dan Bugis, dan Tuhfat al-Nafis*, adalah tulisan-tulisan sejarah yang jelas menyatakan maksud penulisannya. Bagi Tun Sri Lanang, menunaikan titah raja adalah tujuan utama beliau menyahut seruan, tetapi rangkai kata “maka fakir diperkejutkan diri fakir” adalah kata pemutus dan hasrat yang lebih mendalam dari sekadar “menyukakan raja”. Berdasarkan keterangan ini, adalah jelas penulisan *Sulalat al-Salatin* dilakukan bertujuan untuk raja dan hasrat dari kesedaran yang bersifat peribadi selaku pembesar orang-orang Melayu. Tun Sri Lanang berusaha melakukan sesuatu yang wajar bagi mendedahkan hasrat sebenar duli tuanku yang mahukan “supaya diketahui segala anak cucu kita yang kemudian...” Menyukakan di sini bukanlah bertujuan mengampu, membodek dan menyanjung ke bawah duli tuanku membuta tuli untuk mendapatkan keperluan hidup, malahan menyukakan itu bermakna mengerjakan atau menulis sebuah buku sejarah sehingga selesai dan buku itu pula dapat memberikan pelajaran kepada generasi mendatang.

Bagi mencapai maksud tersebut, Tun Sri Lanang telah menyusun semula sebuah hikayat yang dikatakan dari Goa. Dalam tulisan itulah Tun Sri Lanang telah menulis semula sejarah keagungan dan kecemerlangan kerajaan Melayu Melaka yang pernah hidup sebelum kemunculan Johor. Kecemerlangan para raja Melayu dan pembesarnya ditulis dan menjadi nuklias pengisahan sejarahnya. Raja-raja Melayu di Melaka dianggap sebagai raja-raja berdaulat, bermaruah dan berwibawa. Jajahannya luas merangkumi hampir seluruh alam Melayu. Rakyatnya hidup makmur, undang-undangnya teguh dan dihormati oleh rakyat mahupun pendatang. Rajanya pula adil, beriman dan mempunyai banyak harta dan rakyat. Semua kisah raja-raja ini menyukakan raja. Hasrat supaya diingati oleh anak cucu mungkin tercapai.

Walaupun begitu, hasrat raja supaya anak cucunya beroleh faedah mungkin membawa maksud yang sedikit berbeza. Tun Sri Lanang memang memahami bagi menyukakan tuanku pemaparan dengan menumpukan pada kisah-kisah hebat dan kecemerlangan keturunannya adalah lebih berkesan. Namun bagi mendapatkan

faedah, generasi anak cucu harus melalui suatu kisah suka duka dan pengalaman pahit yang pernah dilalui oleh bangsanya dahulu. Jika hanya kisah kehebatan dan kejayaan gilang gemilang yang menjadi asas penulisan, maka ia kurang memberi kesan faedah malah generasi akan datang lebih merasa bangga dan mudah lupa diri. Berdasarkan latar belakang penulisan dan betapa isi kandungan *Sulalat al-Salatin* menumpukan kejatuhan bangsa, adalah pasti Tun Sri Lanang menumpukan aspek faedah ini berbanding yang lain. Kejatuhan Melaka akibat perangai segelintir raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu dan kerakusan orang asing yang mengaut keuntungan di Melaka dijelaskan secara implisit, sebagai punca yang menyebabkan kemusnahan empayar Melaka, pemerintahan bangsa Melayu beragama Islam.

Dengan memaparkan keseluruhan sejarah Melaka dan Johor, penulis tentunya berhasrat untuk mendedahkan faktor-faktor yang membolehkan Melaka menjadi masyhur, dan di samping itu menghuraikan sebab-sebab yang membawa kehancurannya. Ringkasnya Tun Sri Lanang 'bercadang' menunjukkan kepada generasi akan datang bagaimana nasib bangsa Melayu yang berubah dengan begitu cepat sekalipun kisah itu lebih menyayat hati. *Sulalat al-Salatin* ditulis agar suatu "...mutiara segala citera dan cahaya segala peri umpamanya," dapat diketahui, diingat dan memberikan faedah kepada anak cucu kelak. Maksudnya jelas menunjukkan bahawa maklumat dan gambaran kisah raja-raja Melaka-Johor mahu disampaikan terus kepada generasi yang lebih muda dan mendatang.<sup>13</sup> Melalui kaedah 'menghibur dan mendidik,' pengarang berharap kisah dalam *Sulalat al-Salatin* tersebut kekal dalam ingatan sepanjang zaman. Dengan cara sedemikian matlamat memberikan pengajaran dan iktibar melalui pengalaman generasi terdahulu berjaya dihayati dan diterima sebagai panduan yang amat berguna.

Walaupun bagaimanapun, *Peringatan Sejarah Negeri Johor* dan *Hikayat Negeri Johor* tidak menjelaskan secara terang tentang matlamat penulisan mereka. Tulisan-tulisan ini terus 'berkisah' tanpa menerangkan tujuan dan harapan yang khusus terlebih dahulu. Walaupun begitu, ini tidaklah bermakna tulisan-tulisan tadi tidak mempunyai matlamatnya. Berdasarkan isi kandungannya pengarangnya jelas mempunyai matlamat tersendiri yang menjadi landasan penulisannya. Walaupun tidak menjelaskan tujuan penulisannya secara tersurat, *Peringatan Sejarah Negeri Johor* tetap mempunyai matlamat yang tersirat dengan memaparkan pengalaman Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah, iaitu Sultan Johor Kedua yang berdarah bendahara. Pemaparan ini berasaskan kepada usaha mengaut semula kewibawaan "diraja" setelah berlakunya pembunuhan Sultan

---

<sup>13</sup>A. Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin*, *op.cit.*, m.s.2-3.



Mahmud Syah, raja berdarah putih terakhir oleh Megat Seri Rama. Sebelum baginda, usaha tersebut pernah dilakukan oleh Sultan Abdul Jalil, bapa Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah tetapi gagal setelah dibunuh Raja Kecil. Pembunuhan sultan yang berasal raja dan sultan yang berasal dari bendahara, ini memang mencemaskan kerana Kesultanan Melayu Johor kehilangan dua orang yang berwibawa dalam hirarki politik Melayu.

Oleh sebab itu, walau dengan apa cara sekalipun senario politik Melayu Johor yang kehilangan wibawa tradisinya perlu dipulihkan segera. Bagi mewajarkan dan membina wibawa politik Melayu yang baru, sesuatu harus ditulis bagi menerangkan keadaan sedemikian. Di sinilah terletak matlamat penulisan *Peringatan Sejarah Negeri Johor*. Matlamat utamanya adalah memaparkan pergolakan politik di Johor akibat perkembangan terbaru setelah tamatnya era kesultanan jurai Melaka. Era kemunculan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah telah menimbulkan suasana baru dan dibaurkan dengan kisah perbalahan antara Bendahara dengan Laksamana dan kemasukkan orang asing dalam politik Melayu di Johor pada awal abad ke-18.<sup>14</sup> Kisah ini memberi pengetahuan kepada generasi sekarang betapa strategi dan kebijakan pemerintah bangsa Melayu berusaha membina bangsa dan menyusun semula pentadbiran negeri setelah melalui konflik.

*Hikayat Negeri Johor* juga tidak menjelaskan secara terus terang matlamat penulisannya. Berdasarkan tarikh penulisan dan isi kandungannya adalah jelas ia adalah usaha untuk menerangkan peranan Upu-upu Bugis di Tanah Melayu. *Hikayat Negeri Johor*, sebuah hikayat yang dikatakan layak dinamakan *Sejarah Bugis di Selangor* begitu ketara menerangkan kekuatan Bugis di Selangor dan Kedah. Jika mengikut suasana politik Melayu yang baru menerima tenaga baru, iaitu Upu-upu Bugis, tulisan ini jelas memainkan peranannya dengan mendokong matlamat memberikan gambaran tentang kekuatan Bugis. Gambaran tentang kekuatan unsur baru ini penting sebagai langkah memperkenalkan siapakah dan apakah bentuk sumbangan yang boleh diberikna oleh tenaga baru ini. Pemerian kekuatan Bugis amat penting ditunjukkan bagi mendapatkan keyakinan dari Orang Melayu dan pemerintahannya yang telah sedia lemah. Ini berjaya.

Ada sebuah hikayat lain yang sukar ditentukan di manakah ia telah ditulis. Walau bagaimanapun, berdasarkan isi pengisahannya, tulisan sejarah ini pasti telah dibuat sama ada di Johor ataupun di Pahang. Tulisan sejarah yang dikenali sebagai *Hikayat Johor serta Pahang* didapati menumpukan kepada fakta-fakta

---

<sup>14</sup> *Peringatan* bermula dengan kekalahan Johor di tangan Jambi pada 1673 dan hanya mengemukakan beberapa kisah pendek dan ringkas sehinggalah kelahiran Sultan Sulaiman pada 1699.

historis tentang Johor, Pahang dan adat istiadat diraja kedua-dua negeri tadi.<sup>15</sup> Penulisanannya jelas bersifat sejarah dan disampaikan secara naratif. Walaupun begitu, matlamatnya adalah jelas untuk menghubungkan perjalanan sejarah Johor dan Pahang yang dibuktikan dengan pemakaian adat istiadat dan etika politik yang sama. Hubungan yang erat ini menunjukkan bahawa memang terdapat perkongsian tradisi dan kewibawaan politik antara Johor dan Pahang.

Matlamat mencari keredhaan dan keampunan Illahi menjadi dasar kepada sebahagian besar daripada tulisan sejarah Johor ini. *Sulalat al-Salatin* dan *Tuhfat al-Nafis* adalah dua contoh terbaik yang menyebut penulisanannya bagi mendapatkan keredhaan Allah. Kecenderungan menulis atas dasar keredhaan dan keampunan-Nya bukanlah sesuatu yang mustahil. Apatah lagi kerja-kerja penulisan ini merupakan titah raja sendiri. Hubungan harapan, keampunan dan keredhaan Allah s.w.t. itu dengan institusi perajaan mungkin boleh difahami menerusi kata-kata Tun Perak,

*Ganti Allah di dalam dunia kerana ia zillulahi fill'alam apabila berbuat kebaktian kepada raja seperti berbuat kebaktian kepada Allah Subhanahu-wa-Taala. Yakni berbuat kebaikan kamu akan Allah dan Rasul-Nya dan akan Raja..*<sup>16</sup>

Pengarang *Tuhfat al-Nafis* pula menyatakan,

*... mengharapkan aku akan Allah yang mengampuni daripada tersalah pada segala tawarikh dan pada perjalanannya.*<sup>17</sup>

Matlamat *Tuhfat al-Nafis* adalah jelas. Ia ada kaitan dengan kepribadian pengarang *Tuhfat al-Nafis* yang mempunyai latar belakang pendidikan Islam yang kukuh. Berdasarkan matlamat kehidupannya yang menyerah dan mengharapkan belas ihsan dari-Nya, tentulah penulisan *Tuhfat al-Nafis* tidak terkeluar daripada pengertian hidup yang beliau lalui. Jika diamati lebih mendalam, pengarang *Tuhfat al-Nafis* mempunyai maksud yang lebih menarik lagi. Selain mendapat keredhaan dan keampunan-Nya untuk diri sendiri, yang lebih

---

<sup>15</sup> Lihat Muhammad Yusoff Hashim dan Aruna Gopinath, "Tradisi Pensejarahan Pahang Darul Makmur 1800-1930, Tempo Publishing (M) Sdn. Bhd. Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, 1922, m.s. 28-32.

<sup>16</sup> Lihat *Sejarah Melayu* versi Shellabear, m.s. 190. Lihat juga Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, m.s. 157

<sup>17</sup> V. Matheson Hooker, *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu Islam*, *op.cit.*, m.s. 128

menarik lagi apabila sandaran keredhaan dan keampunan itu juga merujuk kepada “...segala tawarikh dan perjalanannya.” Sandaran ini boleh difahami apabila penulisan *Tuhfat al-Nafis* berusaha mencapai keredhaan Allah ke atas tawarikh dan perjalanan pengalaman keturunan Upu Berlima dengan raja-raja sebelah Melayu. Orang Bugis dan Upu-upunya serta keturunannya telah melalui banyak peristiwa sejak abad ke-17 yang menyaksikan penguasaan dan penetapan mereka bukan sahaja di Riau, malah di Selangor, Perak dan Kedah. Mereka terpaksa bersaing dan membuat sesuatu yang mungkin kurang disenangi sebahagian orang lain. Kegiatan mereka yang mencampuri nasab dan keturunan tempatan dengan menjadi Yamtuan Muda Johor, berpihak dan bermusuhan di Kedah, dan Selangor serta Perak besar kemungkinan dianggap bersalah oleh orang lain. Oleh yang demikian Raja Ali Haji seolah-olah mewakili Upu-upunya, yang juga keturunannya dahulu memohon keampunan-Nya dengan cara memberikan “penjelasan yang sebenar” kepada pihak berkenaan.

Kecuali Tun Sri Lanang, Raja Ali Haji dan pengarang tulisan sejarah Johor lain telah mengikuti perkembangan politik Bugis dan orang-orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, khususnya di Johor.<sup>18</sup> Pengalaman berliku-liku antara Melayu dan Bugis menyebabkan penyalin-penyalin kemudian yang kebanyakannya pula berketurunan Bugis merasakan timbul keperluan untuk menyusun sebuah penulisan yang merakam pengalaman silam mereka. Pengalaman Raja Ali Haji merupakan perjalanan sejarah yang sebenarnya telah berlaku. Beliau melalui kesan sejarah zaman “orang-orang tua Bugis,” dan perkembangan pengaruh Melayu dan Upu-upunya di Johor dan Alam Melayu amnya. Nilai baik dan buruk pengalaman nenek-moyangnya dapat dirasai ketika usia beliau semakin tua. Maka menjadi keinginan hati beliau agar penulisannya itu mendapat keampunan dan keredhaan Allah bagi semua yang terlibat, termasuklah raja-raja Melayu dan Upu-upunya.

Matlamat dan kegunaan yang lain penulisan kitab ketatanegaraan di Johor adalah bagi membenteng salasilah raja-raja Melayu dengan Bugis dan akhirnya mewajarkan percampuran nasab Melayu-bugis. Tidak memadai dengan itu, raja-raja mereka didakwa berbesan dan berpupu duwai dengan tokoh dari tamadun India. Asal-usul mereka seterusnya dikaitkan dengan tokoh sejagat dalam tanadun manusia, iaitu Iskandar Dzulkarnain.<sup>19</sup> *Tuhfat al-Nafis* pula dengan bersahaja mengaitkan asal-usul raja-raja sebelah Bugis dengan Puteri Balkis, Puteri yang telah diislamkan oleh Nabi Allah Sulaiman [a.s.] dalam sirah kenabian.

---

<sup>18</sup> Nashkah pertama selepas *Sulalat al-Salatin* adalah *Peringatan Sejarah Negeri Johor* yang ditulis pada pertengahan abad ke-17 semasa Bugis mulai bertapak di Johor-Riau.

<sup>19</sup> A. Samad Ahmad, *Sulalat al-Salatin*, *op.cit.*, m.s. 3-17.

Puteri tersebut merupakan seorang yang terkenal dan mempunyai kedudukan yang mulia dan tinggi tetapi menganut agama animisme yang memuja matahari. Hasil dakwah Nabi Allah Sulaiman [a.s], Puteri Balkis akhirnya menganut Islam.<sup>20</sup> Secara implisit, pengarang *Tuhfat al-Nafis* mengakui orang Bugis, khususnya Upu-upu Berlima, berasal dari dua tokoh yang terkenal di dalam sejarah Islam, Kristian dan Yahudi.<sup>21</sup> Sungguhpun beliau seolah-olah sukar menerima dakwaan tersebut, namun, *Tuhfat al-Nafis* tetap meneruskan tradisi menghubungkan raja-raja mereka dengan sesuatu yang mempunyai kedudukan yang lebih tinggi. Walaupun begitu, beliau tidak menumpukan pada cerita Puteri Balkis kerana mempunyai tugas yang lebih penting tentang “...supaya mengetahui jalan dan sebab bercampuran nasab”.

Satu perubahan besar dan ketara telah berlaku di dalam perkembangan tradisi pensejarahan kitab ketatanegaraan Melayu di Johor-Riau. Terdapat percubaan yang bersungguh-sungguh untuk melakukan perubahan pemikiran politik dan kewibawaan tradisi yang sedia ada. Keunikan di Johor ditonjolkan agar tidak terus menerus dibayangi Melaka. Usaha dilakukan Tun Sri Lanang melalui penyusunan semula *Sulalat al-Salatin*. Tulisan ini mencuba mengubah pemikiran tradisi lama yang terus membayangi kemunculan Johor. Perkembangan politik Melayu di Johor tidak mahu dikaitkan lagi dengan kecemerlangan dan kegagahan kesultanan Melayu di Melaka. Johor mesti kelihatan tegak bebas dan gagah sebagai sebuah entiti politik, beridentiti, berwibawa dan berdaulat.

Naluri ingin memerdekakan Johor dari bayang Melaka boleh dikesan seawal penulisan *Sulalat al-Salatin* lagi. Lihat sahaja bagaimana Melaka yang suatu waktu menjadi penentu dan penaung kepolitikan di alam Melayu, akhirnya tewas di tangan sebuah kuasa asing. Kekalahan Melaka digambarkan dengan cara aib apabila tewas kepada tentera musuh yang bilangannya tidak sampai separuh berbanding jumlah tentera Melaka. Demikian juga usaha 10 tahun pertama selepas kekalahan di tangan Portugis, Sultan Mahmud Syah mendapat kembali “bandar Melaka”, bukan negeri, hampa tanpa kesudahannya. Rakyat bertempiran tanpa perlindungan politik Melayu. Namun *Sulalat al-Salatin* ketika mengisahkan kehancuran Melaka masih mentaati tradisi dan adab sopan bangsa dengan tidak melaga-lagakan pembesar-pembesar Melaka, sebaliknya terus menunding jari ke arah Raja Melaka kerana raja telah gagal bertindak memainkan peranannya sendiri. Kisah kejatuhan Melaka bukanlah sebuah “ceritera” tentang bagaimana

---

<sup>20</sup> Al-Quran al Karim, surah *al-Naml*, ayat 15-44 dan surah *al-Saba* ayat 12-14. lihat H. Salim Bahreisy, *Sejarah Nabi-nabi*, penerbit Pt. Bina Ilmu, Surabaya, 1980, m.s. 346-353.

<sup>21</sup> *Tuhfat al-Nafis* mendakwa sebagai “Adalah Siti Mallangkik itu setengah kaul orang Bugis, keturunan daripada Puteri Balkis konon.” Lihat V. Matheson Hooker, *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu Islam*, *op.cit.*, m.s.150

musnahnya sebuah pelabuhan Melayu yang terkenal itu. Sebaliknya Tun Sri Lanang telah melihat peristiwa penting itu dalam konteks ketatanegaraan tradisional di Johor. Pemerian mengenai bagaimana Melaka binasa telah mengizinkan Johor muncul sebagai sebuah negeri yang akhirnya pendekatan, pemikiran dan cita-citanya berbeza daripada Melaka.

Sungguhpun Portugis terus menerus menyerang Johor dan sekali-kala Orang Johor juga menyerang kembali, namun ini tidak menggambarkan bahawa Johor itu adalah Melaka. Hubungan Portugis di Melaka dengan Johor tidaklah sama dengan Melaka seperti sebelumnya kerana Melaka yang sebenarnya telah hilang nilai politik dan wibawanya. Yang ada hanyalah sebuah kesultanan Melayu yang baru di Johor. Oleh sebab itu, Portugis dan Aceh melihat kehadiran kesultanan baru ini boleh mengancamnya. Dari segi strategi, Portugis berusaha melemahkan Johor dengan cara melambatkan proses pembentukan Johor sebagai negeri yang kuat, seolah-olah membuktikan ada tanggapan baru mereka tentang kekuatan Johor.

Kesultanan Melayu Johor yang memang diketahui ada hubungan darah dengan jurai Melaka seharusnya tidak merasa gundah gulana tentang kewibawaan tradisi yang ada. Namun hubungan yang dilihat boleh memberikan kelebihan kepada Melaka nyata tidak mengembirakan Tun Sri Lanang. Oleh sebab itu, sebelum beliau memperincikan kejatuhan Melaka, terlebih dahulu kisah kejatuhan itu telah tersurat melalui “peristiwa” peminangan Puteri Gunung Ledang. Melalui peristiwa peminangan itu, tergambar jambatan emas, suatu simbol yang menerangkan kekayaan negeri Melaka. Namun kekayaan dan negeri Melaka hancur binasa kerana walaupun kaya, rakyatnya secara simbolik juga “mampu” menyediakan setempayan air mata, hati nyamuk dan air buah pinang muda. Satu sahaja yang berat kepada Sultan Mahmud, tetapi akhirnya “disediakan” juga, iaitu semangkuk darah Raja Muda.<sup>22</sup>

Kisah peminangan Puteri Gunung Ledang merupakan kiasan paling halus tentang kejatuhan Melaka dan menjadi latar belakang kemunculan sebuah kesultanan yang baru. Kemangkatan Raja Ahmad, Raja Muda yang disahkan sebagai waris raja Melaka, bahkan pernah memerintah Melaka buat beberapa tahun sebelum kuasa “ditarik balik” oleh Sultan Mahmud Syah langsung menamatkan jurai Raja Muda berasal dari Melaka dan membenarkan Sultan Alauddin Riayat Syah II, putera Tun Fatimah menjadi sultan yang baru, di negeri yang baru dan berjurai terus dengan Tun Sri Lanang. Jurai pemerintahan yang baru ini memihak kepada Bendahara Johor.

---

<sup>22</sup> A. Samad Ahmad, *Sulalat al-Salatin*, *op. cit.*, m.s. 201.

Dari segi darah dan pengalaman, tidak dinafikan raja-raja Johor mempunyai pertalian dengan jurai raja-raja Melaka. Namun ini tidaklah memastikan Johor itu *stereotaip* ataupun klon Melaka. Demikian juga sistem politik dan pentadbiran di Melaka yang diamalkan di Johor bukanlah menjamin Johor itu adalah Melaka. Pengamalan sistem berkenaan di Johor dilakukan kerana sistem itu merupakan sebuah sistem pentadbiran yang praktikal sekali pada waktu itu. Tambahan pula sebagai sebuah kesultanan yang baru, Johor tentu lebih bersedia mengambil sistem lama itu kerana kebanyakkan pembesarnya juga lebih berpengalaman dengan sistem itu. Masalah mengambil dan meniru pentadbiran Melaka bukan sahaja dilakukan oleh Johor malah negeri-negeri Melayu yang lain juga.

## MODUL PENDIDIKAN KENEGARAAN

Adalah nyata pensejarahan kitab ketatanegaraan Melayu di Johor bermula dengan *Sulalat al-Salatin* pada 1612. Maknanya *Sulalat al-Salatin* adalah pensejarahan Johor dan bukan Melaka seperti yang pernah didakwa sebelum ini. Banyak alasan dan bukti yang berasas dan boleh dipegangi menunjukkan tulisan sejarah itu hasil pensejarahan Johor, bukannya Melaka. Tambahan pula tulisan yang cemerlang itu menjadi dokumen pribumi yang penting bagi mengesahkan kejatuhan Melaka dan kemunculan Johor. Walaupun begitu, penulisan sejarah di Johor kelihatan berhenti seketika, walaupun Johor dilihat sudah mencapai zamannya semula apabila mengalahkan Portugis pada 1641 di Melaka. Namun kejayaan itu seolah-olah tidak penting kerana tidak ada sebuah tulisan pribumi pun yang menyatakan mengenai kejayaan itu.

Mulai abad ke-18, penulisan sejarah di Johor telah rancak semula sesuai dengan kemasukan tenaga baru. Tenaga baru, iaitu orang-orang Bugis telah mewarnakan semula corak penulisan apabila membentuk semangat baru sehingga lahirlah beberapa buah tulisan sejarah yang agak berbeza dari segi isi dan kaedah penulisannya. Sepanjang abad ke-17 hingga abad ke 19, pola penulisan sejarah johor adalah selaras dengan peranan orang-orang Bugis ini. Semua perubahan dan susunan pola ini ada kaitan langsung dengan perubahan politik dan ekonomi Orang Melayu di Johor. Latar belakang penulisannya pula jelas dipengaruhi oleh perkembangan politik semasa di Johor. Dengan alasan itulah tulisan-tulisan tadi telah digunakan bagi menerangkan perkembangan tersebut.

Dari huraian dan analisis di atas dapat dipastikan bahawa *Sulalat al-Salatin* merupakan sebuah tulisan sejarah yang boleh dipertanggungjawabkan nilai kesejarahannya. Masyarakat Melayu yang melahirkannya merupakan sebuah

masyarakat yang telah terbuka pemikirannya. Cara hidup yang mereka jalani berlandaskan kehidupan hakiki yang bertunjangkan jati diri dan lunas-lunas Islam. Kehidupan mereka telah menghasilkan tulisan sejarah yang penting sebagai pusaka generasinya. Meskipun terdapat beberapa keraguan ekoran kehadiran kisah-kisah mitos dan lagenda, namun ini tidak menghalangi tulisan sejarah itu daripada memiliki nilai-nilai dan pemikiran sejarah ketatanegaraannya. Lebih-lebih lagi pertikaian isu pemikiran sejarahnya hanya berkisar tentang isu kaedah bagaimana mendekati *Sulalat al-Salatin*.

Amat menyakinkan lagi apabila beberapa ciri penulisan *Sulalat al-Salatin* nampaknya bersesuaian dengan pengertian sejarah barat moden. Penekanan *Sulalat al-Salatin* terhadap kaedah penulisan sejarah termasuklah masalah penyelidikan, penggunaan sumber, kritikan dan matlamatnya membuktikannya lebih menepati sebuah tulisan sejarah dan bukan sebuah cereka dan fiksyen. Malahan tulisan sjarah orang-orang Melayu yang dikarang pada abad ke-17 itu lebih awal mengandungi unsur-unsur pensejarahan moden daripada beberapa tulisan sejarah moden itu sendiri. Yang penting, meskipun *Sulalat al-Salatin* berada dalam tempoh tradisional dan berada jauh daripada pusat munculnya ilmu pensejarahan moden, namun itu tidak menjadi sebab kitab tersebut tidak boleh dianggap sebuah hasilan sejarah.

Semua catatan sejarah dan pemahaman budaya yang mendokongi pemikiran ketatanegaraan dalam kitab-kitab tersebut adalah pengalaman dan pengetahuan bangsa Melayu. Cakupan waktu penzamanan peristiwanya dan ruang cakup lokaliti kejadian-kejadian utama peristiwanya berlegar di bumi dan alam Melayu. Semua butiran tersebut menjadikan naskhah kitab ketatanegaraan boleh dijadikan batu asas pembentukan modul kenegaraan di Malaysia malah rantau alam Melayu di Selat Melaka. Ini mencadangkan bahawa naskhah-naskhah kitab ketatanegaraan di Johor-Riau hendaklah dijadikan sebagai bahan utama pengajian sejarah dan pembentukan paradigma kenegaraan Malaysia.

## KESIMPULAN

Kitab ini terlalu banyak mengandungi maklumat sebuah bangsa dan alam yang didiaminya. Maklumat-maklumat tersebut jika tidak digarap dengan cara betul, selain boleh mendatangkan kerugian besar, juga mengherotkan perjalanan bangsa dan negara pada hari muka. Naskhah kitab ketatanegaraan tersebut perlulah didekati dengan cara betul dengan menjadikan sejarah sebagai asas penelitian dan pemahaman. Pengetahuan bahasa, budaya, politik, ekonomi, perlambangan semiotik dan kepelbagaian makna simbol, hendak menelusuri perkembangan

sejarah sebenar bangsa. Hal ini mencadangkan supaya pengetahuan itu diambil dari kronologi masa dan peristiwa. Pemahamannya pula berpaksikan asas pembentukan pemerintahan bangsa dan kekuatan agama Islam sebagai gaya dan pemikiran hidup.

Sejarah dalam kitab-kitab tersebut adalah modul, model dan modal pembangunan pendidikan kenegaraan bukan sahaja di Malaysia malah di rantau alam Melayu termasuklah, Indonesia, Singapura, Thailand dan Brunai.